

# Bunyamin: Perhubungan Pas tidak dihubngi polis

BPM 1.8 AUG 21

KOTA BHARU: Badan Perhubungan Pas Kelantan tidak pernah dihubungi polis negeri ini dalam usaha mengesan bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob.

Penasihat Undang-Undang Pas Kelantan, Takiyuddin Hassan, berkata Pas negeri sedia bekerjasama dengan polis dalam membawa Bunyamin memberi keterangan berhubung dakwaan penceramah Pas itu, kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menonton video lucah bersama cucunya.

“Kita tidak faham kenapa polis kata Bunyamin melarikan diri kerana sebelum ini kita tidak pernah dengar polis mencari dia, malah kita mengesahkan pihak polis tidak menghubungi Badan Perhubungan Pas Kelantan untuk mencari Bunyamin.

“Begitupun, kita akan ikhtiaran untuk mengesan Bunyamin dan mengaturkan pertemuannya dengan polis bagi memberi

keterangan untuk membantu siasatan.

“Bunyamin ni penceramah dan kadang-kadang dia keluar sehingga seminggu kerana berce-ramah di seluruh negara, jadi mungkin dalam sehari dua ni, dia balik selepas mengetahui polis nak ambil kenyataan,” katanya.

Beliau berkata demikian ke-selepas merasmikan program ‘Gotong-Royong Perdana Membersih Bandar Kota Bharu’ sempena sambutan Bulan Kemerdekaan 2002 di Dataran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) di sini, semalam.

Rabu lalu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, Asisten Komisioner Ab Rahim Jani, berkata polis belum dapat mengesan Bunyan-tin untuk mengambil keterangannya berhubung kandungan ceramah beliau di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, pada 15 Mac lalu.